

PM sukacita menteri yang tidak dicalon 'terima dengan baik'

KUALA LUMPUR 10 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau merasa sukacita kerana pada umumnya menteri - menteri dan timbalan - timbalan menteri yang tidak dicalonkan semula dalam pilihanraya umum kali ini menerima pengguguran itu dengan baik.

"Saya mengucapkan sebanyak terima kasih atas kesediaan mereka untuk memberi tempat kepada calon-calon baru," kata beliau kepada para pemberita selepas melancarkan majalah *Khidmat* iaitu majalah rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam di Dewan Tun Hussein Onn, PWTC di sini.

Perdana Menteri berkata, soal pengguguran calon pilihanraya juga berlaku dalam UMNO.

Katanya, beliau menghargai khidmat mereka yang terdahulu, tetapi dalam setiap pilihanraya memang berlaku pertukaran calon.

"Keadaan ini sama seperti dahulu bila mereka dipilih sebagai calon, tentu ada orang lain yang digugurkan.

"Maka kali ini, giliran mereka pula yang digugurkan untuk memberi laluan kepada calon baru. Saya ucap terima kasih kepada mereka," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata demikian sebagai mengulas pengguguran seorang menteri UMNO, MCA dan empat timbalan menteri, dua dari MCA dan dua dari MIC yang disifatkan oleh para pemerhati sebagai satu perubahan radikal.

Mereka ialah Menteri Kebajikan, Dato' Mustaffa Mohamad, Menteri Kesihatan, Encik Ng Cheng Kiat, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Dato' Kok Wee Kiat, Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Dato' Ng Cheng Kuai, Timbalan Menteri Pertanian, Dato' S. Subramaniam dan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' K. Pathmanaban.

Mengenai hasrat Dato' S. Subramaniam untuk menemuinya selepas meletak jawatan semalam, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, buat masa ini beliau tidak dapat berjumpa dengan Dato' S. Subramaniam lagi kerana terlalu sibuk.

"Saya akan jumpa dia kemudian," katanya.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata, beliau telah menjangka pihak pembangkang akan menubuhkan satu lagi pakatan selain daripada Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang mereka tubuh sebelum ini.

"Penubuhan Gagasan Rakyat itu telah kita jangka. Mereka biasanya bercakap dalam dua atau tiga bahasa.

"Umpamanya, Pas kata dia nak gugurkan negara Islam (dari manifestonya) dalam akhbar Cina. Tapi malangnya berita itu keluar juga dalam akhbar Melayu."

"Sekarang Pas nafikannya pula. Perkara yang bercanggah macam ini akan berlaku sepanjang pilihanraya.

"Mereka akan bercakap dengan satu kumpulan dalam satu bahasa dan dengan kumpulan lain, menggunakan bahasa lain," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.